

Ekспорт halal RM50 bilion

*Malaysia sasar jadi
pengeksporth utama
produk, halal tahun
hadapan*

NORSHAHZURA MAT ZUKI

Malaysia berhasrat untuk mengeksporth produk dan perkhidmatan halal berjumlah AS\$12 Bilion atau RM50 bilion pada tahun 2020.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata sasaran ini dapat dicapai melalui kerjasama erat antara agensi kerajaan dan sektor swasta termasuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

"Kita juga telah merangka beberapa usaha dan program terutamanya Pelan Induk Industri Halal (2008-2020) yang bertujuan untuk mencapai matlamat menjadikan negara sebagai pemimpin global dalam inovasi, pengeluaran dan perdagangan sektor halal.



Denis (kanan), Saifuddin (dua dari kanan) dan Sefik (tiga dari kanan) memotong riben sempena MoU antara syarikat Malaysia dan Bosnia baru-baru ini.

"Ketika ini, Malaysia melalui Taman Halal yang diiktiraf oleh HALMAS, iaitu akreditasi Malaysia berhasrat untuk mengeksporth produk dan perkhidmatan halal bermula tahun hadapan," katanya ketika menyampaikan ucap tama di Sarajevo Halal Fair 2019, Sarajevo, baru-baru ini.

Pada program itu, Saifuddin

bersama Pengerusi Jemaah Menteri Bosnia-Herzegovina, Prof Dr. Denis Zvizdic dan Ahli Presiden, Sefik Dzaferovic telah menyaksikan upacara menandatangani dua Memorandum Persefahaman (MoU) bernilai sekitar EUR25 juta (RM115 juta) antara syarikat-syarikat Malaysia dan Bosnia & Herzegovina.

Saifuddin berkata, Halal Industry Development Corporation (HDC) telah berjaya menarik pelaburan melebihi RM13 bilion dan ia dijangka berkembang dengan pesat selaras dengan pertumbuhan penduduk Islam seluruh dunia yang kini mencapai 1.8 bilion orang.

Beliau berkata, hubungan dagang antara Malaysia dan Bosnia & Herzegovina bertambah baik dengan jumlah perdagangan kedua-dua negara mencatat AS\$1.7 Juta (RM7 juta) pada tahun 2017 dengan jumlah pertumbuhan yang besar sebanyak 179.9 peratus berbanding 2016.

"Pada 2017, jumlah perdagangan Malaysia dengan Bosnia dan Herzegovina berjumlah AS\$1.7 Juta (RM7 juta) dengan jumlah pertumbuhan besar iaitu sebanyak 179.9 peratus berbanding 2016. Pada 2017, eksport Malaysia ke Bosnia-Herzegovina bernilai AS\$881,373.00 (RM3.7 juta) manakala import pula berjumlah AS\$786,214.00 (RM3.3 juta)," katanya.